



# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 ( 54 )

Tarikh : 14 FEBRUARI 2022

## MBPJ ANJUR SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2022

Dalam usaha mengeratkan perpaduan kaum dengan mengetengahkan kebudayaan dan adat kaum Cina, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Sambutan Tahun Baru Cina bertempat di Dataran Boulevard Seksyen 52, Petaling Jaya.

Majlis perayaan ini merupakan acara tahunan rasmi dalam kalendar program-program rasmi Majlis. Selain itu juga, ia menjadi landasan mengeratkan lagi persefahaman dan sifat persaudaraan yang sedia terjalin antara pihak Majlis dan masyarakat setempat serta mempromosikan Petaling Jaya sebagai sebuah kota seni di negeri Selangor.

Sambutan perayaan tahun baru ini telah dihadiri oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Mohamad Azhan bin Md. Amir. Sambutan itu turut di serikan dengan persembahan seperti tarian singa dari kumpulan Khuan Loke Dragon and Lion Dance Association, tarian kebudayaan, muzik (live band) dan pemberian buah limau kepada pengunjung dan premis perniagaan di sekitar Seksyen 52 sebagai simbolik kemakmuran dan kekayaan.

Pada 28 Januari 2022 lalu, MBPJ telah menyampaikan sumbangan wang tunai RM 250.00 kepada 50 buah keluarga berpendapatan bawah RM 2,000.00 bagi menyambut Sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**